
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMK 211 – Kritikan Kesusasteraan & Disiplin Bantu

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan No. 1 (Bahagian A) dan mana-mana DUA soalan daripada Bahagian B.

Mulakan jawapan bagi Bahagian A dan Bahagian B pada halaman yang baru.

...2/-

BAHAGIAN A

Soalan 1 di Bahagian A ini WAJIB dijawab. Soalan 1 terdiri daripada soalan-soalan kecil atau ‘perkara-perkara’ (i) hingga (x); setiap ‘perkara’ diperuntukkan 10 markah, menjadikan Soalan 1 berjumlah 100 markah.

1. Berikan catatan atau nota ringkas bagi setiap perkara [(i) hingga (x)] yang di bawah ini:
 - (i) Prinsip ‘*Utilitarianisme*’ dalam pemikiran Plato tentang Seniman.
 - (ii) ‘Kritikan Kehakiman zaman Klasik Yunani’.
 - (iii) Konsep ‘Katharsis’ daripada pemikiran Aristotle.
 - (iv) Pendirian Aristotle (dalam *Poetics*) tentang Seniman.
 - (v) Aliran Neo-Klasik zaman Romawi.
 - (vi) Ciri-ciri utama Kritikan Zaman Pertengahan (di Eropah).
 - (vii) Aliran Romantik/ *Romantisisme* Inggeris.
 - (viii) Ciri-ciri Strukturalisme menurut pemikiran De Saussure.
 - (ix) Kecenderungan utama Aliran Romantik Inggeris.
 - (x) Aliran Formalist Russia dan pendukung-pendukungnya.

(100 markah)

...3/-

BAHAGIAN B

Pilih dan Jawab MANA-MANA DUA daripada soalan-soalan berikut. Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

2. (a) Huraikan secara umum kesinambungan Strukturalisme Eropah daripada Formalisme Russia; dan
(b) jelaskan perbezaan yang ketara di antara kedua aliran tersebut dalam beberapa aspek yang khusus.
(100 markah)
3. (a) Bincangkan secara umum bagaimakah golongan Marxis telah memperalatkan pendekatan kritikan berteraskan Sosiologi (atau ‘Sosiologi Sastera’); seterusnya
(b) tunjukkan ‘kebolehterapan’ (*applicability*) pendekatan kritikan ini dalam situasi yang *non-ideological* dengan memberikan contoh yang konkret daripada pembacaan karya-karya kreatif yang anda alami.
(100 markah)
4. Huraikan secara umum persamaan di antara ‘Pemikiran Psikologi Yunani Klasik’ dengan ‘Pemikiran Psikologi Klasik daripada Islam’, dan perbezaan yang ketara di antara kedua-dua aliran Psikologi Klasik tersebut dengan ‘Pemikiran Psikologi *a-la Freud*’. Kemudian bincangkan sejauh manakah ‘kesesuaian’ mana-mana satu daripada pendekatan tersebut apabila diterapkan ke atas sesebuah karya sastera ?
(100 markah)

- ooo O ooo -

